

08 MAY 2002

Mahathir-Bahasa

KERAJAAN NAK DENGAR PANDANGAN RAKYAT TENTANG BAHASA INGGERIS

PUTRAJAYA, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mahu mendengar reaksi dan pandangan pelbagai pihak berhubung cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris.

Menurutnya Kabinet pada mesyuarat mingguannya hari ini turut menyentuh perkara itu walaupun bukan secara panjang lebar bagi mengetahui pandangan orang ramai mengenai isu yang hangat diperdebatkan sekarang.

"Ada yang kata tak dapat kerja bukan kerana tak tahu (tidak menguasai) bahasa Inggeris...tak tahulah betul atau tak betul tapi kita kena tahulah reaksi (orang ramai)," katanya kepada pemberita semasa ditanya adakah Kabinet membincangkan perkara itu.

Terdahulu Dr Mahathir meraikan Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri pada majlis makan tengah hari di Seri Perdana. Hariri tiba di sini semalam bersama delegasi 51 orang untuk lawatan tiga hari.

Semalam Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia menimbang cadangan mewujudkan semula aliran Inggeris sebagai pilihan jika rakyat mahu ia dilakukan bagi meningkatkan penguasaan bahasa yang dianggap penting dalam era globalisasi kini.

Ditanya sama ada kerajaan akan menjalankan satu kajian khusus mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Banyak orang buat kajian, jadi kita nak dengar daripada orang."

"Kalau orang kata lebih utamakan bahasa kebangsaan daripada dapat kerja jadi kita patuhlah apa kata orang," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya kemungkinan kerajaan Filipina akan menggunakan perjanjian antara Malaysia, Indonesia dan Filipina yang ditandatangani di sini semalam bagi menangani jenayah merentasi sempadan bersama, untuk menekan rakyat Islam di selatan Filipina.

Menurut Perdana Menteri, Presiden Gloria Arroyo berminat untuk bekerjasama dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan di wilayah itu.

Namun kata Dr Mahathir, Arroyo bimbang setiap kali ada pihak yang ingin berdamai ada pula pihak yang menghalang proses itu.

"Dia amat berminat adakan kerjasama dengan MILF tapi kita tahu di selatan Filipina ada orang Islam di sana tak bersatu hati...Apabila satu pihak hendakkan perdamaian satu pihak lagi akan usaha untuk tidak capai perdamaian. Ini yang dia (Arroyo) khuatir," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengapa Singapura tidak dimasukkan dalam kerjasama tiga negara ini, Dr Mahathir berkata: "Belum lagi...kemudian barangkali."

-- BERNAMA

RV ZS MOZ